

BAB EMPAT

PEMROSESAN DAN PENGANALISAAN DATA

4.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisa faktor yang mempengaruhi remaja menyalahgunakan bahan (Substance abuse). Di sini, analisis terbahagi kepada empat bahagian iaitu faktor yang mendorong, jenis bahan , bilangan pelajar yang menggunakan mengikut jantina, kesan tabiat terhadap pencapaian akademiknya. Data diperolehi melalui soal-selidik pelajar dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Kajian diskriptif seperti peratusan dan kekerapan , analisis variasi dan Khi kuasa dua telah digunakan dalam penganalisan data demi mendapat maklumat yang tepat dan bermanfaat bagi penyelidikan tentang penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar di sebuah kolej swasta .

4.2 Faktor Penyalahgunaan Bahan (Substance Abuse)

Soalan Pertama

Apakah faktor yang mendorong remaja untuk menyalahgunakan bahan ?

Tujuan analisis dalam bahagian ini adalah demi mendapat jawapan bagi soalan berikut yang berkenaan dengan penyalahgunaan bahan.

4.2. 1 Satu analisis ke atas semua faktor dijalankan dengan penjumlahan unit pengaruh bagi setiap faktor dan dapatan peratusan pengaruh masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.2

No.	Jenis Faktor	Peratusan Pengaruh(%)
1	Ibubapa	27.7 **
2	Rakan sebaya	26.0
3	Peribadi	24.1
4	Persekitaran pembelajaran	22.2

Analisis variasi ** 0.05 tahap signifikan

Jadual 1.2: Peratusan Faktor yang Mendorong Pelajar Terlibat dalam Penyalahgunaan Bahan

Berdasarkan jadual 1.2 , faktor ibubapa merupakan faktor yang memberi pengaruh yang paling kuat kepada pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan tertentu, iaitu 27.7% diikuti faktor rakan sebaya , 26.0%. Jadi , kedua-dua faktor ibubapa dan rakan sebaya merupakan faktor yang paling penting mendorong para pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Hasil kajian juga telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan bahan

Analisis di atas, jelas membuktikan bahawa faktor ibubapa merupakan faktor utama yang menyebabkan kebanyakan pelajar melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan. Satu analisis lanjutan ke

atas faktor ibubapa telah dijalankan, ia adalah bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai tingkah laku ibubapa yang mendorong pelajar menyalahgunakan bahan. Kajian lanjutannya ditunjukkan dalam jadual 1.3 dalam bentuk peratusan .

No.	Perkara terhadap faktor ibu bapa	Peratusan Pengaruh (%)
1	Terlalu tegas dan dominan	8.4
2	Merendahkan kebolehan	8.9
3	Tidak disayangi dan adil	10.0
4	Terlampau manja	8.1
5	Tidak luangkan masa	9.2
6	Bergaduh dan bertengkar	10.5
7	Harapan tinggi	7.9
8	Hubungan kurang erat	8.8
9	Terlibat dalam minuman keras dan dadah	10.1
10	Bercerai	8.8
11	Kurang kebebasan	9.0
Jumlah		100.0

Jadual 1.3 . Peratusan perkara yang pengaruh terhadap faktor ibubapa

Berdasarkan jadual 1.3, ia menunjukkan bahawa semua aspek atau perkara yang dinyatakan di atas merupakan faktor yang penting yang

boleh memberi pengaruh kepada pelajar untuk terlibat dalam penyalahgunaan bahan . Antara perkara dalam faktor ibubapa yang paling berpengaruh ialah ibubapa yang bergaduh dan bertengkar iaitu sebanyak 10.5% dan ibubapa yang mempunyai tabiat meminum minuman keras dan mengambil dadah sebanyak 10.1%.

4.3 Jenis Bahan Yang Disalahgunakan

Soalan Kedua

Apakah jenis bahan penyalahgunaan yang paling popular di kalangan pelajar ?

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengetahui jenis bahan manakah yang menjadi pilihan dan lazim digunakan oleh pelajar.

Satu analisis peratusan dan kekerapan ke atas semua jenis bahan yang disalahgunakan telah dibuat melalui data yang diperolehi daripada Borang Soal Selidik Pelajar.

Jadual 1.4 , menunjukkan peratusan pelajar yang menyalahgunakan bahan seperti rokok, minuman keras, dan dadah. Minuman keras merupakan bahan penyalahgunaan yang paling banyak digunakan oleh pelajar kolej swasta. Beer merupakan minuman keras yang paling banyak diminum oleh pelajar iaitu 83.3%, diikuti alkohol 80% dan wine 70%. Jenis bahan yang kedua terbanyak digunakan oleh pelajar ialah rokok iaitu 65%. Manakala dadah kurang digunakan oleh pelajar kolej. Sebanyak 13.3% pelajar menggunakan pil ecstasy diikuti dengan marijuana 5%, LSD 1.7% dan opium 1.7%.

Jenis-jenis bahan yang disalahgunakan	TIDAK	YA
	Bilangan (peratus %)	Bilangan (peratus %)
1. Rokok	21 (35)	39 (65)
2. Minuman Keras		
a) Beer	10 (16.7)	50 (83.3)
b) Alkohol	12 (20)	48 (80)
c) Wine	18 (18)	42 (70)
3. Jenis Dadah		
a) Marijuana	57 (95)	3 (5)
b) Heroin	60 (100)	0 (0)
c) Kokain	60 (100)	0 (0)
d) LSD	59 (98.3)	1 (1.7)
e) Opium	59 (98.3)	1 (1.7)
f) Pil Ecstasy	52 (86.7)	8 (13.3)
g) Tranquillizer	60 (100)	0 (0)
h) Lain-lain	60 (100)	0 (0)

Jadual 1.4 Bilangan dan Peratusan yang mengambil Jenis Bahan

Jenis bahan	Kekerapan Penyalahgunaan Bahan		Jumlah	Peratus
	Selalu	Jarang		
Merokok	23	16	39	65%
Minuman Keras	29	18	47	78%
Dadah	4	9	13	22%

Jadual 1.5 , Kekerapan dan Peratusan Penyalahgunaan Bahan

Satu klasifikasi mengenai kekerapan dan peratusan penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar kolej swasta telah dibuat, agar mendapat gambaran yang jelas. Dapatan analisis jadual 1.5, menunjukkan minuman keras yang paling banyak digunakan oleh pelajar iaitu sebanyak 78%, diikuti oleh rokok iaitu 65% . Jenis bahan yang paling sedikit disalahgunakan ialah dadah iaitu sebanyak 22%.

4.4 Hubungan Jantina Dengan Penyalahgunaan Bahan

Soalan Ketiga

Adakah perbezaan di antara dengan penyalahgunaan bahan ?

Kajian ini juga berfokus terhadap hubungan jantina dengan penyalahgunaan bahan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di kolej swasta.

Jantina	Bilangan Penyalahgunaan (peratus %)		Jumlah
	Ya	Tidak	
Lelaki	36* (100)	0 (0)	36 (100 %)
Perempuan	21 (87.5)	3 (12.5)	24 (100%)
Jumlah	57 (95)	3 (5)	60 (100)

Analisis khi kuasa dua * $p < 0.05$

Jadual 1.6 Bilangan dan Peratusan Hubungan Jantina dengan Penyalahgunaan Bahan

Dengan merujuk kepada jadual 1.6, 100% pelajar lelaki di kolej swasta menyalahgunakan bahan tertentu dan 87.5% pelajar perempuan pula turut sama menyalahgunakan bahan tertentu.

Kajian ini menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak terlibat dalam penyalahgunaan bahan daripada pelajar perempuan. Adalah penting untuk mengambil kira bahawa tidak ada perbezaan yang ketara mengikut jantina yang melibatkan diri di dalam salah satu jenis penyalahgunaan bahan. Ujian Analisis Khi kuasa dua menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

4.5 **Kesan Tabiat Penyalahgunaan Bahan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar .**

Soalan Keempat

Apakah kesan tabiat ini terhadap keseluruhan pencapaian pelajar ?

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengetahui sejauh manakah tabiat penyalahgunaan bahan memberi kesan kepada pencapaian akademik seseorang pelajar . Analisis terhadap kekerapan penyalahgunaan bahan dan pencapaian akademik telah dibuat dalam bentuk jadual kekerapan untuk memastikan kesan tabiat tersebut.

Jenis Bahan	Kekerapan	Pencapaian Akademik			Jumlah Bilangan
		Sangat Baik	Memuaskan	Kurang Memuaskan	
MEROKOK	Selalu	8	11	4	23
	Jarang	3	8	5	16
	Tidak Pernah	9	7	5	21
MINUMAN KERAS	Selalu	9	12	8	29
	Jarang	6	8	4	18
	Tidak Pernah	3	5	5	13
DADAH	Selalu	2	2	0	4
	Jarang	0	6	3	9
	Tidak Pernah	10	20	17	47
Jumlah		50	79	51	180
Peratusan		28%	44%	28%	(100%)

Analisis $\chi^2 = 6.176$ $p > 0.05$

Jadual 1.7 , Kesan Tabiat Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan 28% pelajar mendapat keputusan sangat baik; 44% pelajar mendapat keputusan memuaskan dan 28% pelajar pula

mendapat keputusan yang kurang memuaskan. Jadual 1.7, telah dipermudahkan kepada sebuah jadual lagi iaitu jadual 1.8, kekerapan penyalahgunaan bahan dengan pencapaian akademik pelajar.

Jenis Bahan	Pencapaian Akademik Pelajar			Jumlah
	Sangat Baik	Memuaskan	Kurang Memuaskan	
Merokok	11	19	9	39
Minuman Keras	15	20	12	47
Dadah	2	8	3	13

Jadual 1.8 , Kekerapan Penyalahgunaan Bahan dengan Pencapaian Akademik Pelajar.

Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 39 orang pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan iaitu merokok. Dari jumlah tersebut 11 orang pelajar mendapat keputusan sangat baik, 19 orang pelajar mendapat keputusan memuaskan . Manakala 9 orang pelajar pula mendapat keputusan kurang memuaskan.

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 47 orang pelajar menyalahgunakan minuman keras. Dari jumlah tersebut 15 orang pelajar mendapat keputusan sangat baik, 20 orang pelajar mendapat keputusan

memuaskan dan 12 orang pelajar mendapat keputusan kurang memuaskan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan sebanyak 13 orang pelajar menyalahgunakan dadah; dari jumlah tersebut 2 orang pelajar mendapat keputusan sangat baik , 8 orang pelajar mendapat keputusan memuaskan dan 3 orang pelajar mendapat keputusan kurang memuaskan.

Keseluruhannya, kesan tabiat penyalahgunaan bahan tidak menunjukkan signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar.